

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Penguasaan kemahiran bacaan dan kefahaman merupakan satu aspek penguasaan yang sangat penting dalam mempertingkatkan kemahiran bahasa, membolehkan pembelajaran berlaku dengan berkesan, dan mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik seseorang pelajar secara keseluruhan. Penguasaan kemahiran bacaan yang baik membolehkan seseorang pelajar meluaskan pengetahuan, pemikiran, menyelesaikan masalah, serta menghadapi proses pembelajaran dengan lancar dan berjaya. Ini akan membolehkan pelajar meningkatkan prestasi pembelajaran dan seterusnya pencapaian akademik.

Pelajar yang mempunyai kemahiran bacaan dan kefahaman yang baik, dapat membina kemahiran membentuk makna daripada bahan bacaan, mengumpul maklumat penting dan berkaitan, membuat tafsiran yang tepat, membuat inferensi yang sesuai, membuat rumusan yang bernas, menilai keutamaan idea dan perkaitan, menghayati bahan dan seterusnya membentuk daya berfikir dan kemampuan belajar yang baik. Kemahiran-kemahiran seumpama ini membantu mereka menjadi pelajar yang cekap, matang dan berfikiran kritis dan kreatif. Penghasilan pelajar yang mempunyai kualiti sebegini bersesuaian dengan matlamat dan tumpuan pendidikan di negara kita sekarang, yang memberi

perhatian penting kepada pembinaan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif di kalangan pelajar pada semua peringkat pengajian.

Proses bacaan dan kefahaman sebenarnya adalah proses berfikir (Brown, 1985). Membaca adalah satu proses kognitif yang melibatkan daya mental, berlaku secara berterusan, dan dinamik. Ia memerlukan pembaca mempunyai kebolehan menginterpretasi bahan bacaan dan membentuk makna yang tepat melalui maklumat yang diberikan oleh penulis. Pembaca perlu membuat inferensi, menilai, dan menghayati maklumat yang ditemui dalam bahan **bacaan** melalui proses mengamati, memahami dan memikirkan secara aktif. Perlakuan-perlakuan ini semuanya melibatkan proses berfikir dan interaksi yang aktif antara pembaca dengan bahan bacaan. Pembacaan sebenar berlaku apabila timbul satu gambaran lengkap sesuatu makna dalam diri pembaca berdasarkan pengetahuan sedia ada dan tafsirannya. Untuk membolehkan bacaan dan kefahaman yang sebenar berlaku, seseorang itu memerlukan cara memproses bacaan dan kefahaman dengan betul dan berkesan. Sehubungan itu, sesuaillah fokus penyelidikan dan pengajaran bacaan dan kefahaman pada masa kini, lebih kepada aspek melihat bacaan sebagai satu proses dan penggunaan pelbagai strategi yang berkesan di kalangan pembaca, dalam usaha mereka bagi membentuk makna berdasarkan maklumat dalam teks.

Pengajaran secara khusus dan terancang tentang strategi dan kemahiran memproses bacaan dan kefahaman didapati sangat penting dan berkesan kepada pelajar kerana kemahiran bacaan dan kefahaman yang baik tidak berlaku sendiri (Abromitis, 1994; Baker dan Brown, 1984; Brown, 1985; Collins dan Smith,

1980; Dole, Duffy, Roehler dan Pearson, 1991). Pengajaran tentang strategi membaca yang berkesan, dapat membantu para pelajar khususnya yang bermasalah dalam pemahaman bacaan, meningkatkan kefahaman dan prestasi pembelajaran, bukan sahaja dalam bahasa, malah menjangkau pada mata pelajaran lain. Ini sangat jelas diperlukan dalam sistem pendidikan yang banyak menggunakan buku teks dan bahan bertulis dalam pelbagai bentuk, sebagai bahan utama pembelajaran, khususnya bagi para pelajar di peringkat menengah dan institusi pengajian tinggi (Philips, 1992; Safiah, 1990). Aktiviti membaca merupakan kaedah dan aktiviti utama yang sangat penting dalam pembelajaran bagi pelbagai mata pelajaran di sekolah (Philips, 1992). Oleh itu, pengajaran kemahiran ini adalah sangat mustahak diberi perhatian utama. Ia perlu diajar secara terancang dan bermatlamat, pada peringkat lebih awal, supaya sikap dan amalan bacaan dan kefahaman yang betul dapat dibina.

Strategi-strategi membaca dan belajar yang digunakan dalam bacaan dan kefahaman sangat berkait rapat dan berkesan dalam meningkatkan kebolehan kefahaman, kemahiran belajar dan juga kemahiran berfikir. Pelbagai kesan strategi bacaan dan kefahaman telah dikaji oleh para penyelidik pendidikan bacaan. Antara strategi yang diselidik keberkesanannya untuk meningkatkan kefahaman ialah seperti menggarisi perkataan penting, membuat nota ringkas, meringkas perenggan, mencari ayat utama, menulis kata kunci, membaca semula, menyemak semula, menyoal diri, dan latihan mengingat perkataan atau frasa (Armbruster et.al. 1983; Collins, 1994; Dole et. al. 1991).

Satu aspek yang sangat penting yang boleh mempengaruhi kejayaan dalam mencapai matlamat penguasaan kemahiran bacaan dan kefahaman yang berkesan, cekap, dan matang ialah menguasai kemahiran metakognitif. Kemahiran metakognitif didapati boleh membantu pelajar menghadapi masalah dan halangan dalam bacaan dan kefahaman dengan berkesan (Armbruster et. al., 1983; Baker dan Brown, 1984; Flavell, Miller, dan Miller, 1993; Wagoner, 1983). Namun pengajaran menggunakan pendekatan ini didapati kurang mendapat perhatian para pendidik khususnya para guru di sekolah-sekolah. Guru-guru lebih menumpukan pengajaran bacaan dan kefahaman kepada penguasaan kandungan dan maklumat dalam teks serta latihan menjawab soalan (Durkin, 1981; Mason, 1981 dipetik dalam Kendal dan Mason, 1982).

Metakognisi adalah satu aspek kemahiran berfikir yang sangat penting dan mula mendapat perhatian pada awal 1970-an. Konsep ini diperkenalkan oleh John H. Flavell (1979). Mengikut tanggapan ahli psikologi, jika manusia tahu cara minda beroperasi, manusia boleh mengawal dan mengarah pemikiran ke arah matlamat atau objektif produk yang ingin dihasilkan. Ini bermakna jika seseorang pelajar itu sedar apa yang perlu dilakukan untuk menghasilkan kerja yang baik misalnya kefahaman, maka besar kemungkinan dia akan menggunakan strategi-strategi yang sesuai dan berkesan untuk memenuhi keperluan tugas kefahaman tersebut. Penggunaan konsep dan kemahiran metakognitif sangat luas dan meliputi pelbagai bidang seperti pendidikan bahasa, komunikasi, pembelajaran, perkembangan personaliti, memori, linguistik, dan pengajaran dalam pelbagai bidang kandungan serta kemahiran (Flavell et. al. 1993).

Mengikut Swartz dan Perkins (1990), aspek metakognisi merentasi semua domain kemahiran berfikir sama ada kemahiran berfikir secara kritis, kemahiran berfikir secara kreatif, menyelesaikan masalah atau membuat keputusan. Kesedaran dan kemahiran metakognitif boleh berlaku dalam semua aspek aktiviti kognitif bergantung kepada pengetahuan dan keupayaan seseorang individu. Keadaan pengetahuan dan kemahiran ini berbeza mengikut individu berdasar pada usia, pengetahuan sedia ada dan pengalaman seseorang. Ini dibuktikan dalam dapatan tinjauan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Armbruster et.al. (1983) dan Collins (1994).

Para penyelidik dalam pendidikan bersetuju tentang pentingnya peranan metakognisi dalam bacaan, pembelajaran, dan kemahiran berfikir, antaranya ialah Baker dan Brown (1984), Costa (1984), Flavell et. al. (1993), Marzano, Brandt, Hughes, Jones, Presseisen, Rankin, dan Suhor (1988), Nisbet dan Shucksmith (1988), Swartz dan Perkins (1990). Secara umum, penyelidik-penyelidik ini menegaskan, penguasaan kemahiran dan kesedaran metakognitif dalam pembelajaran dan berfikir, dapat mewujudkan pelajar yang lebih berdikari dalam pembelajaran, bermatlamat, aktif berfikir dan sentiasa mengawal prestasi pembelajaran dalam pelajarannya. Ini akan membawa kepada pembentukan sahsiah intelektual yang lebih positif.

Berdasarkan peranan metakognisi yang berkesan dalam meningkatkan kefahaman bacaan, maka perlulah aspek ini diberi tumpuan dan dibuat kajian yang mendalam dalam konteks pendidikan di Malaysia khususnya dalam konteks pembelajaran sebenar dalam kelas.

1.1 Rasional kajian

Memandangkan banyak pihak, termasuk Kementerian Pendidikan, memberi fokus dan perhatian terhadap membina kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif di kalangan pelajar pada semua peringkat, maka wajarlah jika lebih banyak kajian yang menyentuh aspek metakognisi ini dijalankan. Langkah ini bersesuaian dengan kecenderungan dan fokus penyelidikan di barat, terutamanya di Amerika Syarikat, yang memberi perhatian kepada usaha mencari kaedah-kaedah pengajaran dan pembinaan kemahiran secara eksplisit ke arah mengukuhkan kemahiran bacaan dan kefahaman, keupayaan belajar dan kebolehan berfikir pada peringkat yang lebih tinggi dan kreatif di kalangan pelajar sekolah.

Kajian ini perlu dijalankan untuk mendapat lebih banyak maklumat dan penjelasan yang lebih konkret tentang aspek metakognisi dalam bacaan dan kefahaman dalam konteks pembelajaran yang berlaku dalam kelas. Ia dapat memberi kefahaman yang lebih khusus tentang sejauh mana wujud peranan dan kaitan kesedaran metakognitif dengan prestasi kefahaman serta pemantauan pemahaman mengikut konteks dan situasi sebenar pembelajaran dalam pelajaran Bahasa Malaysia. Melalui dapatan kajian ini, para guru boleh mendapat gambaran yang lebih jelas, cara yang sesuai dan berkesan, untuk membantu meningkatkan kesedaran dan pemantauan pemahaman di kalangan pelajar.

Kepentingan kajian ini lebih jelas jika dilihat dari aspek perancangan pihak perancang kurikulum dan bahagian latihan guru. Pihak perancang kurikulum akan mendapati pentingnya aspek ini dimasukkan dalam kurikulum sekolah supaya kemahiran dan strategi metakognitif dapat dijadikan alat belajar, alat berfikir dan pembentukan intelek yang lebih positif di kalangan pelajar dalam semua aspek mata pelajaran di sekolah. Ini telah dibuktikan benar oleh tokoh pendidikan di barat seperti Costa (1984), Beyer (1988), Brandt (1984), Dole et. al. (1991).

Bahagian latihan perguruan pula boleh menumpukan perhatian kepada membina pengetahuan dan kemahiran mengajar aspek metakognisi di kalangan guru dalam latihan, supaya kemahiran ini dapat diajar dan dikuasai pula oleh para pelajar di sekolah pada semua peringkat. Kemahiran mengajar aspek metakognisi mengikut kesesuaian kebolehan pelajar, mata pelajaran, objektif pengajaran, dan peringkat persekolahan, adalah sangat penting dikuasai oleh para guru. Penyediaan pengetahuan, kemahiran dan sikap positif terhadap kemahiran metakognitif dalam pengajaran perlu dibina dengan baik di kalangan guru kerana mereka lah yang akan memainkan peranan utama sebagai pelaksana dalam membimbing dan membina kemahiran ini di kalangan pelajar di sekolah.

1.2 Pernyataan Masalah

Kemahiran bacaan dan kefahaman adalah salah satu kemahiran yang sangat penting dalam menentukan kejayaan pembelajaran, keupayaan berfikir secara kritis dan kreatif, dan seterusnya dalam pencapaian akademik dan daya intelek seseorang individu. Kepentingan dan pengaruh penguasaan kemahiran ini sangat jelas dan terbukti dalam sistem pendidikan yang mementingkan pencapaian akademik sebagai ukuran kejayaan pendidikan seseorang individu.

Pelajar yang mempunyai masalah dalam pemahaman bacaan akan juga menghadapi masalah dalam pembelajaran, menyebabkan keupayaan berfikir juga terhad, dan seterusnya mendapat tahap pencapaian yang kurang memberangsangkan dalam pelajaran. Ini membawa kepada masalah tidak berminat belajar, putus asa dan seterusnya terus tercicir daripada arus pelajaran yang berlaku dalam kelasnya (Safiah, 1989).

Aktiviti membaca merupakan perlakuan belajar yang sangat penting dan banyak dilakukan di peringkat sekolah menengah dan pengajian tinggi kerana pada peringkat ini tumpuan pendidikan adalah untuk mendedahkan dan menyediakan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai bidang kandungan mata pelajaran yang lebih luas dan secara yang lebih khusus. Pelajar pada peringkat ini, perlu lebih banyak membaca secara sendirian atau berdiskusi dalam memahami, mengingat, mentafsir, menghurai dan menilai konsep-konsep, mengumpul maklumat, menghubungkait idea-idea, dan membuat rumusan bagi setiap bahan bacaan mengikut mata pelajaran atau bidang kandungan. Hal ini

bukanlah satu yang mudah bagi pelajar yang mempunyai masalah dalam kemahiran bacaan dan kefahaman.

Pengajaran kemahiran dan strategi bacaan dan proses pemahaman yang berkesan adalah sangat penting dijalankan secara eksplisit dan terancang oleh para guru. Pengajaran pada peringkat kefahaman asas atau rendah seperti mengingat fakta atau menyatakan semula jawapan yang terdapat dalam petikan, tidak lagi sesuai bagi pelajar di peringkat menengah. Di sini perlu ditegaskan, pelajar peringkat menengah memerlukan tahap kefahaman yang lebih tinggi seperti membuat inferensi, merumus, menilai dan menghayati hasil bacaan, selaras dengan peringkat pengajian dan matlamat pendidikan.

Safiah (1996) menyatakan, selama beberapa tahun yang lalu, kemahiran membaca dan belajar yang lemah di kalangan pelajar-pelajar Malaysia telah menjadi perhatian kerajaan. Guru-guru lebih cenderung membina pengetahuan pelajar tentang kandungan petikan dan kurang memberi perhatian terhadap pembinaan strategi pembelajaran, khususnya strategi metakognitif dalam masa menghadapi tugas kognitif yang pelbagai.

Kebolehan memproses kefahaman yang kurang baik ini mungkin disebabkan para pelajar tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang cukup berkesan tentang strategi membaca yang betul. Kemungkinan juga para pelajar ada mempunyai serba sedikit pengetahuan strategi melalui pengalaman dan pembelajaran yang dilalui, tetapi tidak tahu cara menggunakan strategi tersebut dengan betul dan berkesan. Kekurangan pengetahuan dan kemahiran menggunakan strategi, ditambah pula dengan masalah pelajar tidak mengetahui

Sebelum pelajar didedahkan dengan pengajaran tentang kesedaran dan kemahiran metakognitif secara lebih khusus, satu kajian awal perlu dilakukan untuk melihat sejauh mana kesedaran dan pengetahuan mereka dalam strategi bacaan dan dengan tahap kesedaran tersebut melihat pula sejauh mana prestasi dalam kefahaman dan metapemahaman yang dapat ditunjukkan. Ini akan dapat memberikan maklumat yang boleh digunakan oleh para guru untuk mengesan hubungan antara kesedaran bacaan dengan kefahaman dan metapemahaman. Melalui pengesanan ini dapatlah guru merancang pengajaran secara eksplisit, membina kesedaran metakognitif dan kemahiran menggunakan strategi secara berkesan di kalangan pelajar semasa mereka melakukan aktiviti bacaan dan kefahaman.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan kajian adalah untuk melihat sejauh mana tahap kesedaran bacaan di kalangan pelajar melalui pernyataan mereka sendiri berdasarkan pengetahuan dan kemahiran yang diketahui oleh mereka selama ini. Selain itu kajian ini juga ingin meninjau keupayaan kefahaman di peringkat yang lebih khusus melalui soalan aneka pilihan yang dibentuk berdasarkan tahap kefahaman mengikut soalan jenis teks eksplisit (literal), teks implisit (inferensi) dan skrip implisit (penilaian kritis dan kreatif). Selain itu kajian ini juga hendak melihat sejauh mana hubungan atau kaitan yang wujud antara kesedaran metakognitif dengan pencapaian kefahaman dan metapemahaman pelajar.

1.4 Soalan Kajian

Kajian ini dibentuk untuk menjawab soalan-soalan yang dinyatakan seperti berikut:

- 1) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesedaran bacaan dengan jantina?
- 2) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesedaran bacaan dengan minat terhadap membaca petikan jenis ekspositori?
- 3) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesedaran bacaan dengan pencapaian Bahasa Malaysia?
- 4) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesedaran bacaan dengan prestasi kefahaman?
- 5) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesedaran bacaan dengan prestasi pemantauan pemahaman?
- 6) Adakah terdapat perbezaan dalam ujian kefahaman mengikut kumpulan yang tinggi, sederhana dan rendah dalam kesedaran bacaan?
- 7) Adakah terdapat perbezaan dalam prestasi metapemahaman mengikut kumpulan yang tinggi, sederhana dan rendah dalam kesedaran bacaan?

- 8) Adakah terdapat korelasi antara kesedaran bacaan dengan prestasi ujian kefahaman?
- 9) Adakah terdapat korelasi antara kesedaran bacaan dengan keyakinan jawapan kefahaman?
- 10) Adakah terdapat korelasi antara kesedaran bacaan dengan prestasi pemantauan pemahaman?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting bagi para guru, perancang kurikulum, bahagian latihan perguruan dan juga peperiksaan, sebagai satu sumber rujukan untuk menyediakan satu garis panduan dan aktiviti-aktiviti pengisian, ke arah membentuk kecekapan membaca, keupayaan berfikir dan kemahiran belajar secara berdikari di kalangan para pelajar. Kajian ini dapat memberi penjelasan secara empirikal tentang peranan dan hubungan kesedaran metakognitif dalam bacaan dan kefahaman teks jenis ekspositori yang banyak dihadapi oleh pelajar.

Di samping itu, bagi para guru, mereka dapat menggunakan maklumat ini untuk mencari pendekatan dan kaedah pengajaran yang sesuai dan berkesan dalam membina kemahiran metakognitif yang baik di kalangan pelajar semasa pengajaran khususnya semasa pengajaran bacaan dan kefahaman.

Para pentadbir pendidikan bahagian kurikulum boleh menggunakan maklumat ini untuk mencari aspek metakognisi bacaan dan kefahaman untuk dimasukkan dalam sukanan pelajaran sesuai mengikut tahap, keperluan dan

matlamat pelajaran. Begitu juga bagi para pendidik yang berada dalam bahagian latihan perguruan akan menjadikan maklumat kajian ini satu bahan untuk difikirkan dan mencari kaedah pengajaran yang berkesan dan sesuai mengikut keperluan sistem pendidikan di negara ini. Satu panduan, tumpuan dan perancangan yang lebih jelas perlu diadakan untuk meningkatkan kemahiran metakognitif dalam bacaan dan kefahaman, khususnya penggunaan strategi pemahaman bacaan yang cekap dan berkesan, yang amat penting dalam membawa kejayaan dalam pembelajaran, pencapaian akademik, dan kemahiran berfikir secara keseluruhan bagi setiap pelajar.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini adalah satu kajian yang tertumpu kepada satu aspek dalam metakognisi bacaan dan kefahaman iaitu kesedaran membaca secara keseluruhan dan ia ditinjau mengikut pengakuan atau laporan pelajar sendiri. Aspek kesedaran bacaan diukur dengan menggunakan satu cara sahaja iaitu mengikut satu skala yang dibina oleh McLain, Gridley dan McIntosh (1991). Selain itu subjek kajian adalah terhad kepada pelajar-pelajar daripada sebuah sekolah yang dipilih oleh pengkaji. Penilaian dan penentuan prestasi kefahaman juga dibuat menggunakan satu ujian kefahaman yang menggunakan bentuk soalan aneka pilihan. Sebanyak 10 soalan yang dibina adalah berdasar tahap kefahaman jenis soalan yang dikemukakan oleh Pearson dan Johnson (1978).

1.7 Definisi Istilah

Beberapa istilah yang digunakan dalam laporan ini mempunyai makna yang khusus untuk kajian ini. Istilah-istilah tersebut adalah seperti berikut:

a) Indeks Kesedaran Bacaan

Indeks ini adalah satu pengukuran tahap kesedaran membaca bagi subjek kajian yang didapati melalui satu soalselidik yang terdiri daripada 20 soalan yang dirancang secara khusus untuk mengukur pengetahuan dan kesedaran pelajar tentang strategi bacaan. Instrumen ini diubahsuai daripada McLain, Gridley dan McIntosh, (1991). Skor secara keseluruhan setiap subjek dalam skala ini menjadi indeks kesedaran bacaan yang menunjukkan tahap kesedaran membaca mereka sama ada tinggi atau rendah.

b) Kesedaran metakognitif

Satu keadaan yang menunjukkan kesedaran pembaca tentang pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki semasa melakukan aktiviti membaca dan memahami petikan seperti dari segi tujuan pembacaan, kehendak tugasan, penggunaan strategi yang sesuai dan berkesan untuk menjawab soalan, dan menilai kelancaran dan kejayaan pemahaman. Aspek ini merupakan sebahagian daripada aktiviti pemantauan pemahaman (McLain, 1993).

c) Ujian kefahaman

Satu ujian yang merupakan aktiviti memahami petikan bertulis jenis ekspositori dan menjawab soalan-soalan yang dibina khas menggunakan jenis soalan eksplisit teks, implisit teks dan implisit skrip. Ujian ini dibina oleh pengkaji sendiri berdasar tahap dan kesesuaian bahan dengan pelajar Tingkatan Dua. Soalan yang menguji tahap kefahaman yang lebih tinggi iaitu soalan jenis implisit teks (inferensi) adalah lebih banyak daripada soalan tahap mudah iaitu eksplisit teks (literal) dan soalan tahap sukar iaitu skrip implisit (penilaian).

d) Teks ekspositori

Satu bentuk teks yang mempunyai struktur dan gaya penulisan berbentuk memberi fakta-fakta, idea, serta huraihan atau penerangan secara logik tentang satu tajuk yang dipilih.

e) Pencapaian bahasa

Pencapaian pelajar dalam Bahasa Malaysia dibuat berdasarkan keputusan peperiksaan akhir tahun Tingkatan Satu di sekolah mereka. Semakin tinggi markah Bahasa Malaysia bermakna semakin baik pencapaian.

f) Pemantauan pemahaman

Kebolehan pelajar menentukan tahap pemahaman mereka semasa menjawab soalan. Mereka dikehendaki menentukan jawapan yang dipilih adalah diyakini betul atau kurang yakin ia betul. Pemantauan pemahaman adalah baik jika pilihan jawapan tepat dan diyakini betul atau pilihan jawapan difikirkan kurang tepat dan diyakini kurang betul. Pemantauan yang kurang baik ialah apabila terdapat percanggahan antara pemilihan jawapan dan keyakinan jawapan. Semakin tinggi pencapaian pemantauan pemahaman bermakna semakin baik prestasi pemantauan pemahaman yang dilakukan.

g) Prestasi metapemahaman

Kombinasi markah pencapaian pelajar dalam ujian kefahaman dan pencapaian dalam pemantauan pemahaman (Wade, 1989). Prestasi ini dapat menunjukkan tahap kefahaman dan pemantauan pemahaman yang dilakukan. Prestasi ini boleh meningkat sama ada disebabkan oleh markah kefahaman yang tinggi atau prestasi pemantauan pemahaman yang tepat, atau peningkatan dalam kedua-duanya sekali. Semakin tinggi markah yang didapati bermakna semakin baik prestasi metapemahaman yang dilakukan.